



# PANDUAN ASAS KAEDEAH KENAL PASTI STATUS HADIS: KAJIAN DISKRIPTIF PENGGUNAAN ENSIKLOPEDIA HADIS 9 IMAM

(Basic Methods in Identifying the Status of Hadith: A Descriptive Overview on the Use of Encyclopedia of Hadith of the Nine Imams)

Ahmad Zubir Rosdi<sup>1</sup>, Syed Najihuddin Syed Hassan<sup>2</sup>, Nurul Asiah Fasehah Muhamad<sup>3</sup>, Nurul Izzatul Huda Mohamad Zainuzi<sup>4</sup>, Mohammad Shiham Mahfuz<sup>5</sup>

<sup>1,2,3,4</sup> Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, <sup>5</sup> Kolej MARA Banting

## Abstract

The development of Islamic applications has greatly helped in the learning process, especially in the study of hadith. The process of identifying the status of hadith becomes easier, but it requires proper discipline. However, beginner users still struggle to use the applications, as there is no guidance on how to use them. Therefore, this study aims to demonstrate the basic methods for identifying the status of hadith by exploring the Encyclopedia of the 9 Imams application. The methodology used is a qualitative approach to collecting hadith data provided in the application. As a result, this article will introduce five basic guidelines for identifying the status of hadith using technological tools. Firstly, identify the sources of hadith references. Secondly, identify the search for hadith. Thirdly, determine the keywords of the hadith. Fourthly, analyze the hadith from the perspective of its content and chain of narration (sanad). Lastly, seek confirmation from experts regarding whether the discovered status of the hadith is accepted or not. All of these guidelines serve as a foundation for beginners in the study of hadith.

**Kata Kunci:** Islamic application, hadith studies, encyclopedia of hadith.

## Article Progress

Received: 20 Januari 2023

Revised: 7 February 2023

Accepted: 1 Mac 2023

\*Corresponding Author:  
Ahmad Zubir Rosdi.

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.

Email:  
[ahmadzubirazbr@gmail.com](mailto:ahmadzubirazbr@gmail.com)

## PENDAHULUAN

Hari ini, terdapat pelbagai teknologi yang dicipta untuk memudahkan urusan sehari-hari. Manfaatkan penggunaan teknologi amatlah digalakkan di dalam Islam. Penggunaannya bergantung pada niat seseorang sama ada digunakan pada jalan yang betul atau sebaliknya. Ia boleh dicapai oleh semua peringkat umur dan latar belakang. Penggunaan teknologi banyak memberikan kesan yang positif jika betul cara penggunaannya.

Pengajian hadis juga terkesan dengan adanya kemudahan teknologi. Antaranya adalah penyebaran hadis palsu yang semakin berleluasa dalam media massa dan media sosial (Shah, F. A., 2016). Media sosial seperti Facebook, Instagram, YouTube dan sebagainya merupakan satu alat penyebaran maklumat yang sangat pantas terutama dalam medium dakwah (Fauzi, Hoque, & Abd Kadir, 2022). Perkongsian hadis dalam media sosial sering berlaku tanpa disiplin yang betul akan menyebabkan salah faham orang ramai terhadap hadis dan berlakunya penyelewengan fakta tentang agama (Islam, M. T, 2019). Senario ini amat membimbangkan kerana teknologi pada hari ini diibaratkan dunia tanpa sempadan. Oleh itu, pengguna perlu berhati-hati terhadap maklumat yang diterima dan pastikan status hadis tersebut jelas apabila membuat sebarang perkongsian tentang hadis.

Kepesatan teknologi menyebabkan aplikasi-aplikasi hadis tumbuh bagaikan cendawan. Aplikasi-aplikasi ini dijadikan sebagai medium pembelajaran baru kerana maklumat dapat diperoleh dengan pantas. Proses maklumat hadis dengan kaedah tradisional sukar jika dibandingkan dengan kaedah moden. Proses mencari hadis menggunakan aplikasi lebih mudah dan mengambil masa yang singkat

sahaja (Fikriyyah, D. U, 2016). Pengguna tidak perlu lagi untuk bersusah payah membuka kitab-kitab hadis yang tebal untuk mencari hadis.

Namun begitu, aplikasi-aplikasi hadis yang ada hanya menunjukkan keistimewaan dan ciri-ciri penggunaan sahaja. Pemaju aplikasi tidak menyediakan panduan tentang cara penggunaan yang terdapat dalam aplikasi tersebut (Batubara, H. H. 2017). Hal ini menyebabkan pengguna pada tahap pemula sukar untuk menggunakan aplikasinya. Oleh itu, artikel ini akan menjelaskan panduan asas kaedah kenal pasti status hadis dengan menggunakan aplikasi Ensiklopedia Hadis 9 Imam versi percuma.

## **ENSIKLOPEDIA HADIS 9 IMAM**

Aplikasi Ensiklopedia Hadis 9 Imam dibangunkan oleh Lembaga Ilmu dan Dakwah serta Penerbitan Sarana Keagamaan atau singkatannya Lidwa Pusaka yang dibangunkan oleh alumni dari Timur Tengah, Lembaga Ilmu Pengetahuan Islam dan Arab (LIPIA) Jakarta, dan beberapa universiti lain. Aplikasi ini mempunyai lebih dari 62000 hadis daripada 9 kitab hadis ataupun Kutub al-Tis'ah: Shahih Bukhari, Shahih Muslim, Sunan Abu Daud, Sunan Tirmidzi, Sunan Nasa'i, Sunan Ibnu Majah, Musnad Ahmad, Muwatta' Malik, and Sunan Darimi. Antara kelebihan yang terdapat dalam aplikasi ini adalah pengguna boleh sorot, catat, kongsi dan salin hadis, hadis berkaitan lengkap dengan statusnya, maklumat perawi lengkap dengan statistik, kumpulan hadis (mustolah) dan pengguna juga boleh membuat carian hadis atau masukkan nombor hadis (lidwa.com, 16 Dis 2022)

Menurut Fadlan (2018), bahasa yang digunakan untuk aplikasi ini adalah Bahasa Melayu-Indonesia, tetapi pencarian boleh dilakukan dalam dua bahasa iaitu bahasa Arab dan Bahasa Melayu Indonesia. Bahasa Melayu-Indonesia dan Bahasa Melayu-Malaysia tidak jauh bezanya namun perlu diberi perhatian apabila membuat carian hadis kerana kosa kata bahasa Malaysia dan Indonesia memiliki perkataan yang sama tetapi membawa maksud dan makna yang berbeza (Zohri, M., & Ma'arof, D. Z. B, 2016). Aplikasi ini juga boleh dicapai secara percuma dan versi berbayar (bulanan dan tahunan). Segala maklumat berkaitan aplikasi ini boleh dicapai secara dalam talian di pautan <https://store.lidwa.com/get/>.

Beberapa kajian telah diteliti berkaitan dengan aplikasi ini, antaranya adalah kajian yang dijalankan oleh Fikriyyah, D. U. (2016) menjelaskan secara terperinci perkara-perkara yang berkaitan dengan aplikasi bermula daripada profil aplikasi, teknik pengendalian, penjelasan ciri-cirinya sehingga kelebihan dan kekurangan aplikasi tersebut. Aplikasi ini dilengkapi dengan ciri-ciri yang sangat memudahkan seperti pencarian hadis, terjemahan hadis, jalur perawi hadis dan biografi ringkas setiap sanad, darjah hadis, kaitan hadis dengan hadis lain, pengkategorian hadis, dan indeks hadis berdasarkan tema tertentu (Batubara, H. H. 2017).

Selain itu, pengguna boleh menggunakan aplikasi ini bagi tujuan mentakhrij hadis. Kajian oleh Zulkipli et al (2017) menunjukkan beberapa maklumat penting dalam takhrij hadis seperti kedudukan hadis dalam kitab (masdar), kedudukan hadith dalam kitab lain (masdar), sumber hadis, hukum hadis, sanad dan matan hadis. Pengguna boleh menggunakan kata kunci dalam ruangan carian seperti perkataan khusus dalam matan, nama perawi (rawi al-A'la), dan topik hadis. Hasil carian akan menunjukkan: 1) Sanad hadis, 2) Matan hadis, 3) Sumber hadis, 4) Kitab-kitab dan bab-bab hadis, 5) Kedudukan hadis dalam sumber lain, 6) Biografi perawi, 7) Jenis-jenis hadis berdasarkan sanad atau matan dan terakhir 8) Hukum hadis.

## **ILMU TAKHRIJ HADIS**

Hadis merupakan sumber utama selepas al-Quran. Oleh itu amatlah penting untuk mengenal pasti ketulenan sesuatu hadis sebelum berpegang atau beramal dengannya. Untuk memastikan ketulenan hadis terjaga, ulama hadis telah perkenalkan satu kaedah dikenali sebagai ilmu takhrij hadis. Menjadi satu keperluan setiap muslim pada hari ini untuk mempelajari ilmu takhrij hadis.

Dalam bidang hadis, ilmu takhrij hadis antara salah satu cabang ilmu untuk mengetahui status hadis. Takhrij hadis adalah suatu kaedah untuk mengkaji kedudukan sesuatu hadis daripada sumber asal yang

dikeluarkan sanadnya dan menjelaskan statusnya apabila diperlukan (Al-Tahhan 2010). Takhrij hadis merupakan satu kaedah untuk mencapai kedudukan sesuatu hadis, mengenal pasti mutaba'ah dan syawahid daripada sumber asal, sumber yang menyerupai asal dan sumber yang bukan asal, seterusnya mengenal pasti dan menjelaskan hukum dan darjat hadis sama ada diterima dan ditolak (Abu Layth, 2005).

Manakala Deraman (2001) pula menyatakan bahawa ilmu takhrij hadis ialah ilmu yang membincangkan kaedah untuk memastikan asal sesuatu hadis daripada sumber yang mu'tabar dan menilai kedudukannya berdasarkan kaedah penilaian yang tepat. Khafidz (2012) menyatakan bahawa sesuatu hadis adalah berdasarkan kitab sumber asal, yang mengandungi hadis tersebut berserta maklumat tentang hukumnya sama ada *sahih, hasan*, mahupun *dha'if*.

Takhrij hadis merupakan sesuatu ilmu yang sangat penting untuk dipelajari terutama pelajar-pelajar dalam bidang pengajian islam. Kedudukan dan status hadis dapat diketahui apabila melakukan takhrij terhadap hadis tersebut. Abu Layth (2005) dan Fadlan (2018) menyatakan terdapat tiga kepentingan ilmu takhrij hadis manakala Faisal (2016) menyenaraikan 14 kepentingan ilmu takhrij hadis. Berikut adalah rumusan kepentingan takhrij hadis:

<b>Sanad</b>	<b>Matan</b>	<b>Sanad &amp; Matan</b>
Mengenal pasti dan mengumpulkan sanad hadis.	Mengetahui maksud lafaz hadis	Mengenal pasti sumber dan rujukan hadis
Menguatkan sanad hadis	Mengetahui sabab wurud hadis	Membezakan hadis yang mempunyai asal dengan hadis yang tidak mempunyai asal
Mengenal pasti darjat dan status hadis	Mengenal pasti penambahan yang terdapat dalam lafaz-lafaz hadis dan hukumnya	Mengenal pasti keadaan hadis, jenis-jenis hadis dengan melihat kepada sifat-sifat yang terdapat pada sanad dan matan
Memastikan hadis bersambung atau terputus	Membezakan antara riwayat-riwayat yang terdahulu dan terkemudian seterusnya mengenal pasti nasikh dan mansukh	Membezakan jenis-jenis 'illah hadis pada sanad dan matan
Membezakan rawi muhmal yang terdapat dalam sanad		Mengetahui kesilapan baris dan titik pada sanad dan matan
Membezakan perawi dari kalangan al-mukthirin dan al-muqillin		
Mengenal pasti perawi-perawi yang bersendirian		
Menjelaskan rawi mubham		
Menolak kemungkinan berlakunya tadlis daripada rawi mudallis		
Menolak kemungkinan kesilapan rawi mukhtalif		
Menjelaskan rawi mubham		
Mengenal pasti perawi hadis dan kedudukan mereka dari sudut al-jarh wa al-ta'dil		

Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa takhrij hadis adalah suatu kaedah yang digunakan oleh pengkaji hadis untuk berinteraksi dengan hadis melalui matan, sanad atau keduanya sekali dan meneroka kajian dari sumbernya untuk mengenal pasti status dan darjat hadis sama ada diterima dan ditolak. Tujuannya

adalah untuk memastikan sandaran yang digunakan adalah tepat dan sahih untuk dijadikan dalil dalam agama (al-Tahhan, 2010).

### PANDUAN ASAS PENCARIAN HADIS DALAM ENSIKLOPEDIA HADIS 9 IMAM

Panduan asas yang dikemukakan oleh pengkaji untuk membantu mereka yang baru dalam pengajian hadis. Bermaksud, pengguna mempunyai kecekapan literasi digital yang lemah untuk menggunakan aplikasi ini dan tiada panduan tentang cara penggunaannya tetapi mempunyai kesungguhan untuk memastikan kesahihan hadis terjaga (Batubara, H. H. 2017). Oleh itu, panduan ini sesuai digunakan sebagai asas pencarian hadis.

Ketika melakukan proses pencarian hadis aplikasi ini, terdapat lima panduan yang ditetapkan oleh pengkaji. Pertama adalah kenal pasti sumber carian hadis. Tujuannya adalah untuk memastikan kesahihan maklumat dan mengelak daripada mendapat maklumat palsu. Kenal pasti sumber merujuk kepada sumber yang boleh dirujuk oleh pengguna sama ada daripada buku hadis atau carian dalam talian. Kitab hadis yang boleh dirujuk adalah Kutub al-Tis'ah iaitu: Sahih Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Tirmidzi, Sunan Abu Dawud, Sunan al-Nasai, Sunan Ibn Majah, Sunan al-Darimi, al-Muwatta ', Musnad Ahmad dan juga kitab hadith lain. Carian dalam talian boleh dicapai oleh beberapa medium dan salah satunya adalah dengan menggunakan aplikasi Ensiklopedia Hadis 9 Imam (Zulkipli et al 2017).




Gambar Rajah 1: Paparan muka hadapan aplikasi Ensiklopedia Hadis 9 Imam

Panduan kedua adalah kenal pasti hadis yang hendak dicari. Ini bermaksud pengguna perlu keluarkan matan hadis atau terjemahannya atau keduanya sekali. Sebaiknya keluarkan teks asal dalam bahasa arab untuk lebih mudah pencarian hadis. Pengguna perlu bijak untuk mencari hadis. Jika membuat carian hadis di internet, segala maklumat yang dipaparkan perlu ditapis agar mencapai skop carian yang diperlukan.

Panduan ketiga adalah menentukan kata kunci. Pengguna haruslah memilih satu perkataan yang menonjol sebagai kata kunci dalam pencarian nanti. Hal ini bertepatan dengan kaedah takhrij hadis dengan mengenal pasti kalimat atau lafaz dalam matan hadis (Faisal 2016). Sebagai contoh hadis:

عليكم بالصدق، فإن الصدق يهدي إلى البر، وإن البر يهدي إلى الجنة، وما يزال الرجل يصدق ويتحرج الصدق حتى يكتب عند الله صدقةً، وإياكم والكذب، فإن الكذب يهدي إلى الفجور، وإن الفجور يهدي إلى النار، وما يزال الرجل يكذب ويتحرج الكذب حتى يكتب عند الله كذباً

Hadis yang dipaparkan terlalu panjang. Pengguna perlu memilih satu perkataan untuk dijadikan kata kunci bagi memudahkan proses carian hadis. Pengkaji cuba perkataan **بالصدق** sebagai contoh carian kata kunci. Pengguna perlu tekan butang “search” untuk membuat carian.




Rajah 2: Menentukan kata kunci



Rajah 3: Paparan hasil carian hadis

Paparan skrin menunjukkan beberapa hadis yang keluar. Setelah membuat pemilihan terhadap hadis yang dipaparkan, pengkaji mendapat hadis Ahmad bernombor 3456 padan dengan hadis yang dicari. Pengkaji memilih hadis tersebut maka keluarlah paparan matan hadis berserta terjemahannya.




Rajah 4: Paparan matan dan terjemahan

Pada bahagian bawah terjemahan hadis, pengkaji mendapati terdapat lima hadis yang terdapat dalam kitab berbeza. Pengguna boleh buat rujukan lanjut sebagai maklumat tambahan. Namun begitu, paparan skrin menunjukkan hanya tiga hadis yang keluar. Hal ini disebabkan oleh pengkaji menggunakan aplikasi ini versi percuma.



Rajah 5: Kedudukan hadis dalam kitab berbeza

Panduan keempat adalah melakukan analisis hadis. Tujuan melakukan analisis hadis untuk mengenal pasti status serta maklumat-maklumat yang lain bagi menyokong hadis tersebut.



Rajah 6: Darjat hadis

Rajah 6 menunjukkan kedudukan nombor hadis, kitab dan bab bagi hadis ini. Pengguna perlu menekan butang “isnad” untuk mengetahui darjat hadis. Untuk mengetahui jalur sanad hadis, pengguna perlu menekan “ikon” yang berada di sebelah “isnad”. Setelah menekan “ikon” tersebut, keluarlah jalur sanad seperti dalam rajah 7.

Abdullah bin Mas'ud bin Ghafil bin Habib	
Generation	Shahabat
Kunyah	Abu 'Abdur Rahman
Settled In	Kufah
Died	32 H
<a href="#">More Detail</a>	

Syaqiq bin Salamah	
Generation	Tabi'in kalangan tua
Kunyah	Abu Wa'il
Settled In	Kufah
Died	82 H
<a href="#">More Detail</a>	

Sulaiman bin Mihran	
Generation	Tabi'in kalangan biasa
Kunyah	Abu Muhammad
Settled In	Kufah
Died	147 H
<a href="#">More Detail</a>	

Muhammad bin Khazim	
Generation	Tabi'u'l Atba' kalangan tua
Kunyah	Abu Mu'awiyah
Settled In	Kufah
Died	195 H
<a href="#">More Detail</a>	

Rajah 7: Jalur sanad

Aplikasi ini juga menyediakan biografi perawi dalam sanad dan juga komentar ulama terhadap perawi. Biografi perawi dapat membantu pengguna untuk mengetahui keadaan perawi hadis dari sudut ilmu al-jarh wa al-ta'dil. Ilmu ini sangat penting untuk memastikan hadis Nabi SAW, athar sahabat dan khabar tabiin diterima atau ditolak (Ghouri, S. A. M. (2018). Sebagai contoh, rajah 8 menunjukkan biografi perawi yang bernama Syaqiq bin Salamah dan komentar ulama terhadap perawi tersebut.



Rajah 8: Biografi perawi dan komentar ulama terhadap perawi

Panduan yang terakhir adalah mendapatkan pengesahan daripada pakar hadis atau pengkaji hadis. Hal ini amat penting untuk memastikan kajian yang dilakukan oleh pengguna menepati disiplin hadis yang betul. Allah berfirman:

فَاسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

Maksudnya: “Maka tanyakanlah kepada orang yang berilmu, jika kamu tidak mengetahui”. (al-Nahl (43)

Ayat al-Quran tersebut umumnya meminta kita untuk bertanya kepada orang yang lebih mengetahui sama ada melibatkan urusan agama dan urusan dunia. Oleh itu, kita mesti tahu perbezaan antara urusan agama dan urusan dunia. Jika perkara yang melibatkan urusan agama, maka bertanyalah kepada ulama(orang yang lebih arif dalam perkara agama), dan urusan dunia bertanyalah kepada ahlinya. Dalam konteks kajian ini, pengguna mestilah mendapatkan pengesahan daripada pakar hadis selepas membuat carian dalam aplikasi ini. Pakar akan menentukan hasil carian hadis diterima atau sebaliknya. Hasil carian menunjukkan:

حَدَّثَنَا أَبُو مُعَاوِيَةَ حَدَّثَنَا الْأَعْمَشُ عَنْ شَقِيقٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَيْكُمْ بِالصِّدْقِ فِيَنَ الصِّدْقَ  
يَهْدِي إِلَى الْبِرِّ وَإِنَّ الْبِرَّ يَهْدِي إِلَى الْجَنَّةِ وَمَا يَرَأُ الرَّجُلُ يَصْدُقُ حَتَّى يُكْتَبَ عِنْدَ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ صِدَّيقًا وَإِيَّاكُمْ وَالْكَذِبُ فِيَنَ  
الْكَذِبُ يَهْدِي إِلَى الْفَجُورِ وَإِنَّ الْفَجُورَ يَهْدِي إِلَى النَّارِ وَمَا يَرَأُ الرَّجُلُ يَكْذِبُ وَيَحْرَى الْكَذِبُ حَتَّى يُكْتَبَ عِنْدَ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ  
كَذَّابًا

(HR Ahmad, musnad sahabat yang banyak meriwayatkan hadis, musnad Abdullah bin Mas'ud, hadis 3456, Syu'aib al-Arna'ut: isnad sahih)

Maksudnya: Telah menceritakan kepada kami Abu Mu'awiyah telah menceritakan kepada kami Al A'masy dari Syaqiq dari Abdullah berkata; Rasulullah bersabda, "Hendaklah kalian jujur, karena kejujuran menunjukkan kepada kebaikan dan kebaikan dapat menunjukkan kepada surga, seseorang senantiasa jujur hingga ditulis di sisi Allah 'Azza wa Jalla sebagai orang yang jujur. Dan jauhilah

berdusta karena kedustaan dapat menunjukkan kepada perbuatan dosa dan perbuatan dosa dapat masuk ke dalam neraka, seseorang senantiasa berdusta hingga ditulis di sisi Allah sebagai pendusta."

## KESIMPULAN

Kemunculan aplikasi-aplikasi islam telah banyak membantu pengguna untuk mendapatkan maklumat yang tepat dengan kaedah yang betul. Oleh itu, kajian ini telah memperkenalkan lima panduan asas untuk mengenal pasti status hadis menggunakan aplikasi Ensiklopedia Hadis 9 Imam. Kajian ini sesuai untuk mereka yang tiada latar belakang pengajian Islam atau pengajian hadis tetapi mempunyai semangat yang tinggi untuk belajar ilmu hadis. Kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan kepada pengguna untuk lebih teliti terhadap status hadis sebelum beramal dan disebarluaskan secara meluas.

## RUJUKAN

- Abu al-Layth (2005). *Takhrij al- Hadith Nasyatuhu wa Manhajiyatuhu*. Bangi: Dar Syakir.
- Al-Tahhan, Mahmud. (2010). *Usul al-Takhrij wa Dirasah al-Asanid*. Riyad: Maktabah al- Ma'arif.
- Batubara, H. H. (2017). Pemanfaatan Ensiklopedi Hadis Kitab 9 Imam sebagai Media dan Sumber Belajar Hadis. *Muallimuna: Jurnal Madrasah Ibtidaiyah*, 2(2), 63-74.
- Fadlan Mohd Othman, (2018), *Praktikal Takhrij Hadis Via IT*, Bandar Baru Bangi, Selangor: Bayyinah Enterprise.
- Faisal Ahmad Shah (2016). *Takhrij Hadis Teknik Tepat Pencarian Hadis & Penentuan Hukum*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Hadith, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Fauzi, N. S. B. N., Hoque, M., & Abd Kadir, K. (2022). Spreading Hadith Maudhu'Via Information And Communication Technology: Reasons And Suggestions. *Journal Of Hadith Studies*, 160-167.
- Fikriyyah, D. U. (2016). Telaah aplikasi hadis (lidwa pusaka). *Jurnal Studi Ilmu-ilmu Al-Qur'an dan Hadis*, 17(2), 271-286.
- Ghouri, S. A. M. (2018). Pengenalan Ilmu Al-Jarh dan Al-Tad'il. (terjemahan) Zulhilmi bin Mohamed Nor. Bandar Baru Bangi, Selangor, Darul Syakir Enterprise.
- Islam, M. T. (2019). The impact of social media on muslim society: From islamic perspective. *International Journal of Social and Humanities Sciences*, 3(3), 95-114.
- Lidwa Pusaka, "Ensiklopedia Hadits Kitab 9 Imam", laman sesawang Lidwa.com, dicapai 16 Okt 2022, <http://store.lidwa.com/get/>.
- Shah, F. A. (2016). Penyebaran Hadith Palsu dalam Media Massa dan Media Sosial: Realiti dan Cabaran. *HADIS: Jurnal Ilmiah Berwasit*, 11, 9-27.
- Zohri, M., & Ma'arof, D. Z. B. (2016). Perbezaan Makna Kata Penyelidikan, Solar dan Markah pada Bahasa Melayu Malaysia dan Melayu Indonesia. *Fikiran Masyarakat*, 4(2), 80-83.
- Zulkipli, S. N., Yaacob, Z., Anas, N., Syukri, M., Abidin, M. Z. H. Z., Ahmat, A. C., & Yakob, M. A. (2017). Takhrij al-Hadith via Mobile Apps : Study of 9 Imam Encyclopedia , Kutub Tis ' ah and Mawsu ' ah al -Hadith al- Nabawi al-Syarif. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(6), 1174–1185. <https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v7-i6/3351>